



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1981

DR.24/1981

3. Seksyen 13 (1) Akta ini adalah dipinda
memotong perkataan "jema'ah" yang

Pindaan
seksyen 13.

Naskhah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan
1960.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-
nya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ibu Kota Per-
sekutuan (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan mula
berkuatkuasa pada 1hb Disember 1981.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, yang
disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda
dengan menambah seksyen kecil (7) yang berikut :

Pindaan
seksyen 4.
Akta 190.

"(7) Jika Dato Bandar adalah terhalang dari-
pada menjalankan tugasnya, menggunakan kuasa-
nya atau melaksanakan kewajibannya oleh sebab
sakit, tidak ada atau apa-apa alasan lain, atau jika
jawatan Dato Bandar menjadi kosong selama
sesuatu tempoh, maka Ketua Setiausaha Kement-
terian Wilayah Persekutuan, atau mana-mana
pegawai awam lain yang diberi kuasa dengan
bertulis oleh Menteri, hendaklah menjalankan
tugas, menggunakan kuasa dan melaksanakan ke-
wajipan Dato Bandar."

Pindaan
seksyen 13.

3. Seksyen 13 (1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "jenis am, dan" yang terdapat di dalamnya.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 bagi membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan menjalankan tugas, menggunakan kuasa dan melaksanakan kewajipan Dato Bandar apabila Dato Bandar tidak ada atau semasa dalam tempoh jawatan Dato Bandar kosong.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 13 (1) bagi membolehkan Menteri Wilayah Persekutuan memberi apa-apa arahan kepada Dato Bandar mengenai perkara-perkara dasar dan yang tidak berlawanan dengan Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1124.]